



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	EAIC SAHKAN ADA CUBAAN PEGAWAI JAS LEPASKAN KONTENA E-WASTE
	SUMBER	BH (7 JANUARI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	16 (NASIONAL)

# EAIC sahkan ada cubaan pegawai JAS lepaskan kontena e-waste

**Satu pasukan petugas khas ditubuh siasat dakwaan salah laku**

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khafid  
[khairilashraf@bhnews.com.my](mailto:khairilashraf@bhnews.com.my)

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) mengesahkan wujud cubaan pegawai

Jabatan Alam Sekitar (JAS) melepaskan kontena dipercayai mengandungi sisa elektronik (e-waste) di Westports, Pelabuhan Klang pada Mei tahun lalu.

EAIC dalam satu kenyataan semalam berkata, tindakan itu dibuat tanpa punca kuasa jelas dan justifikasi yang wajar.

"Pada sekitar Mei 2024, EAIC menerima maklumat wujud kemungkinan salah laku pegawai JAS kerana memberi kebenaran melepaskan kontena dipercayai mengandungi e-waste yang ketika itu berada di Westports, Pelabuhan Klang.

"Sehubungan itu, EAIC menubuhkan satu pasukan petugas se-

laras Seksyen 17 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700) untuk menyiasat dakwaan salah laku pelepasan kontena berkenaan," katanya.

**Maklumat dalaman bocor**

EAIC berkata, siasatan mendapati, beberapa ketidakaturan turut berlaku iaitu kebocoran maklumat dalaman berkaitan pertukaran pengarah atau pegawai dan pengarah atau pegawai baharu akan melepaskan kontena itu.

"Kedua, pihak atasan JAS gagal mengambil tindakan berhu-

lung isu kebocoran maklumat ini.

"Ketiga, berlaku kelewatan penyelesaian kertas siasatan oleh JAS berkaitan kontena berkenaan yang berpunca daripada kelemahan penyelesaian.

"Keempat, kelewatan pengendalian kes berkenaan boleh menyebabkan kerugian kepada kerajaan manakala pencemaran alam sekitar tidak dapat dibendung serta dilindungi segera," katanya.

EAIC turut mengesyorkan tiga perkara, iaitu tindakan tatatertib dan mengenakan hukuman sewajarnya terhadap pegawai JAS terbabit kepada Pihak Berkuasa

Tatatertib (PHT) Kumpulan Pengurusan Tertinggi melalui Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Kedua, katanya, ialah mengemukakan cadangan penambahan Prosedur Tetap Operasi (PTO) JAS dan Arahan Tetap Operasi Penguatkuasaan (ATOP) JAS kepada Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Dr Ching Too Kim, untuk tindakan selanjutnya.

"Ketiga, memanjangkan dapatan siasatan dan cadangan bersama-sama laporan EAIC kepada Ketua Setiausaha Negara," katanya.

2.	TAJUK	PENGURUSAN E-WASTE, SOP PENGUATKUASAAN DIPERKASA
	SUMBER	BH (9 JANUARI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	6 (NASIONAL)

## Pengurusan e-waste, SOP penguatkuasaan diperkasa

**Putrajaya:** Pemantapan Arahan Tetap Operasi Penguatkuasaan (ATOP) dan pengukuhan prosedur operasi standard berkaitan pengurusan *e-waste* akan ditambah baik, menurut Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad.

Beliau berkata langkah berkenaan selaras dengan tanggungjawab mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) bertujuan meningkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan di samping memperkukuh integriti dan profesionalisme dalam usaha melindungi alam sekitar.

“Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) memandang serius laporan sia-satan yang dikeluarkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC).

“Sebagai tambahan, kementerian menegaskan usaha ini membabitkan penambahbaikan menyeluruh terhadap prosedur dan garis panduan operasi yang meliputi aspek pemantauan, penguatkuasaan dan penyiasatan,” katanya dalam kenyataan kepada media, semalam.

Ia sebagai maklum balas kepada laporan EAIC pada Isnin lalu yang mendedahkan terdapat cubaan daripada pegawai

Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk melepaskan kontena mengandungi sampah elektronik atau *e-waste* di Pelabuhan Klang.

### Maklumat salah laku

Menurut EAIC, pihaknya menerima maklumat awal mengenai kemungkinan salah laku berkenaan sekitar Mei 2024 dan telah menubuhkan sebuah pasukan petugas selaras dengan Seksyen 17 Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700) untuk menyiasat dakwaan itu.

NRES melalui JAS turut menekankan kawalan ketat terhadap kemasukan *e-waste* ke Malaysia dan dilaksanakan dengan mematuhi peruntukan di bawah Akta 127 serta selaras dengan peraturan antarabangsa seperti Konvensyen Basel Mengenai Kawalan Pergerakan Merentas Sempadan Buangan Berbahaya dan Pelupusan.

“Langkah kawalan ini termasuk pemeriksaan ketat di pintu masuk negara, kerjasama strategik dengan agensi berkaitan dan penggunaan teknologi pemantauan terkini bagi memastikan tiada kemasukan *e-waste* yang boleh menjejaskan alam sekitar atau kesihatan awam.

BERNAMA

3.	TAJUK	TI-M BIMBANG DAKWAAN PEGAWAI JAS CUBA LEPASKAN KONSAINAN E-WASTE
	SUMBER	BH (10 JANUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	14 (NASIONAL)

## TI-M bimbang dakwaan pegawai JAS cuba lepaskan konsainan e-waste

**Kuala Lumpur:** Transparency International Malaysia (TI-M) bimbang dengan dakwaan membabitkan pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang dilaporkan cuba melepaskan konsainan sisa elektronik (e-waste) di Pelabuhan Klang.

Jika tindakan sedemikian terbukti benar, Presiden TI-Malaysia, Dr Muhammad Mohan, berkata, itu pelanggaran kepercayaan orang awam yang serius dan merusakkan integriti peraturan alam sekitar negara.

"Kami menggesa JAS untuk memberikan penjelasan yang je-

lus dan telus mengenai kejadian ini.

"Jika dakwaan itu terbukti benar, kami meminta kerajaan untuk mengambil tindakan disiplin yang tegas terhadap penjawat awam yang terlibat dalam kejadian serius ini. Mereka diamanahkan dengan penguatkuasaan undang-undang alam sekitar, bertanggungjawab untuk memegang piawai 'kebertanggungjawaban dan integriti yang tertinggi,' katanya dalam kenyataan semalam.

Isnin lalu Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) mengesahkan wujud cuba-

an pegawai JAS melepaskan kontena dipercayai mengandungi e-waste di Westports, Pelabuhan Klang pada Mei tahun lalu.

EAIC dalam kenyataan berkata, tindakan itu dibuat tanpa panta kuasa jelas dan justifikasi yang wajar.

Muhammad Mohan berkata, JAS gagal bertindak terhadap maklumat yang dibocorkan dan siasatan terhadap konsainan e-waste dilewatkan.

Katanya, kes seperti itu menjejaskan usaha Malaysia untuk memerangi rasuah dan meningkatkan kedudukan dalam Indeks

Persepsi Rasuah (CPI).

Skor CPI Malaysia menunjukkan peningkatan sedikit pada tahun 2023 tetapi kes pegawai JAS itu mempertingkatkan cabaran dalam usaha membasmi rasuah.

"Tanpa tindakan tegas, usaha Malaysia akan terjejas dan kepercayaan orang awam terhadap institusi kita akan terus merosot.

"Kami menggesa semua pihak berkuasa yang berkaitan untuk memastikan keadilan dibegitikan dan langkah-langkah sewajarnya diambil untuk menghalang kejadian yang serupa daripada berulang," katanya.

**Jika dakwaan itu terbukti benar, kami meminta kerajaan untuk mengambil tindakan disiplin yang tegas terhadap penjawat awam yang terlibat dalam kejadian serius ini**

**Muhammad Mohan,**  
Presiden  
TI-Malaysia



Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor